

# Belajar istilah perubatan dalam bahasa Melayu

Tiga bakal doktor ikuti program agar dapat berhubung lebih baik dengan pesakit berbahasa Melayu

► IRMA KAMARUDIN  
irmak@sph.com.sg

MEMPELAJARI bahasa baru bukan perkara mudah.

Namun, bagi sekumpulan pelajar jurusan perubatan, cabaran mereka lebih besar kerana mereka perlu bukan hanya belajar bahasa Melayu asas, malah mengingati perkataan dan frasa istilah perubatan dalam bahasa Melayu.

Demikian dilalui tiga pelajar jurusan perubatan tahun kedua di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Mereka ialah Encik Chua Kee Leng, 22 tahun; Cik Cecilia Chen Jiayu, 20 tahun; dan Cik Ho Ying Na, 20 tahun, yang menyertai satu program bahasa Melayu untuk bakal doktor.

Program tersebut, yang dibangunkan Pusat bagi Pembelajaran Bahasa Moden NTU, bertujuan membina kemahiran bertutur menggunakan bahasa Melayu supaya dapat bertutur dengan pesakit dalam bahasa Melayu, terutama pesakit warga emas apabila mereka bertugas sebagai doktor kelak.

Penyelaras Bahasa Melayu di Pusat bagi Pembelajaran Bahasa Moden NTU, Cik Hani Mustafa, berkata pelbagai kegiatan dan



**SERONOK BELAJAR BAHASA MELAYU:** Pelajar Sekolah Perubatan Lee Kong Chian di NTU, (dari kiri) Encik Chua Kee Leng, Cik Cecilia Chen Jiayu dan Cik Ho Ying Na, berasa seronok dapat belajar bahasa Melayu daripada Cik Hani Mustafa. – Foto TUKIMAN WARJI

ujian dirangkumkan dalam program itu bagi membantu pelajar melancarkan penggunaan bahasa Melayu mereka.

Pelajar, antara lain, mempelajari tatabahasa, imbuhan dan struktur ayat, selain didedahkan kepada perkataan dan frasa yang digunakan dalam istilah perubatan.

“Kami melihat perlunya ada kursus yang disesuaikan bagi pelajar ini supaya ia dapat membantu mereka berkomunikasi dengan pesakit.

“Apa yang dipelajari pelajar jurusan perubatan ini serupa dengan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu yang ada. Namun, dari segi kosa kata, kami mengajar mereka perkataan yang berkaitan dengan industri mereka,” kata Cik Hani.

Pelajar juga perlu melalui pelbagai ujian, termasuk kefahaman mendengar, karangan dan mengambil bahagian dalam se-

nario lakon peranan bagi meniru keadaan apabila doktor perlu bertutur dalam bahasa Melayu kepada pesakit, memberi respons dalam keadaan kecemasan ataupun melaporkan kemalangan.

“Salah satu ujian penilaian yang mereka harus lalui adalah senario lakon peranan. Mereka diberi senario dan diberi 15 minit untuk berbincang dan berlakon di depan guru dan diberi gred ketika itu,” kata beliau.

Program 12 minggu itu dimulakan Ogos lalu, dengan seramai 23 pelajar menyertainya.

Cik Chen berkata meraih ilmu dalam satu bahasa baru akan membantu beliau apabila bertugas sebagai doktor kelak.

“Ada sesetengah pesakit yang mungkin berasa lebih selesa menggunakan bahasa dialek atau bahasa Melayu umpamanya. Jadi, dengan mempelajari bahasa baru, ia akan membole-

kan kami berkomunikasi dengan pesakit itu sendiri berbanding menggunakan penterjemah,” kata beliau.

Encik Chua pula berkata apa yang dipelajari di dalam kelas sangat berguna dan akan membantunya membina hubungan baik bersama pesakit pada masa depan.

Rakannya, Cik Ho, berkata beliau menikmati sesi kelas yang diadakan di bawah program itu kerana kegiatan yang dilakukan, seperti senario lakon peranan, adalah spontan dan membantunya melancarkan lagi pertuturannya dalam bahasa Melayu.

“Ia sangat seronok. Kami perlu spontan dan menggunakan pengetahuan tatabahasa dan kosa kata yang kami ketahui. Kami perlu berfikir dengan pantas dan bekerjasama sebagai satu kumpulan dan rasa yakin bertutur dalam bahasa Melayu,” kata beliau.